



JAMES PHILIP SHENG BOYLE

LATAR BELAKANG

Beliau merupakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) di *Berklee College of Music*, Boston, United States of America, dan Ijazah Sarjana Seni Persembahan di Universiti Malaya (UM).

Beliau yang merupakan anak kepada Komposer dan pemain Piano yang disegani dan dipandang tinggi di Industri Muzik Malaysia, Jimmy Boyle, merupakan penerima anugerah bagi *BOH Cameronian Award winning Music Director* dan beliau telah memulakan perkhidmatannya sebagai Pensyarah sejak Akademi Seni Kebangsaan (ASK) pada tahun 1999 hingga tertubuhnya ASWARA kini.

Selain dari ASWARA, beliau juga terkenal di dalam bidang akademik dan bidang Muzik di seluruh Malaysia. Beliau pernah menjadi Pensyarah di kebanyakan universiti dan kolej yang berprestij di sekitar Malaysia seperti *The International College of Music (ICOM)* pada tahun 1997 hingga tahun 1999, *The Yamaha Academy of Arts & Music* pada tahun 1999 hingga tahun 2008, Universiti Malaya (UM) pada tahun 2003 hingga 2008, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2012 hingga tahun 2014, Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada tahun 2012 hingga tahun 2013, *UCSI University* dan *Sunway University*.

Selama bertahun-tahun mengajar, beliau telah berjaya membentuk pelajar yang berkualiti sehingga ada antara pelajar-pelajar beliau yang telah berjaya mencipta nama sebagai pemuzik dan ahli akademik hasil kesabaran beliau di dalam memberi tunjuk ajar kepada para pelajarnya dan bakatnya yang unik dan daya tarikan dalam pengajaran beliau telah menyebabkan para pelajarnya tertarik untuk sentiasa hadir ke kelas beliau.

Beliau mempunyai kepakaran mengajar di dalam stail permainan piano kontemporari, kelas latihan *Aural and Ear*, kaedah komposisi, kemahiran menambahbaik dan kelas penulisan lagu bagi program pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Beliau yang merupakan pemain Piano dan ketua kumpulan juga melakukan persembahan di pelbagai festival Jazz di sekitar Asia seperti *The Penang Island Jazz Festival*, *The Genting International Jazz Festival* dan *The Jarasum Jazz Festival* di Korea.

Penyelidikan yang dijalankan oleh beliau adalah di dalam Muzik Popular di Malaysia dan beliau turut menulis karya seperti *Putera Puteri The Music and Legacy of Jimmy Boyle*.

Beliau bergiat aktif sebagai composer di dalam dunia teater dan korporat, beliau juga merupakan Pengarah *Certified Movie* dan *Line Producer* dari Institut Filem Hollywood.